

1223/1  
Pendidikan  
Islam  
Kertas 1  
2 jam 30 minit

Nama : .....  
Tingkatan : .....

**MODUL KECEMERLANGAN SPM TAHUN 2023**

**TINGKATAN LIMA**

---

---

**PENDIDIKAN ISLAM  
KERTAS 1**

**MASA : Dua jam tiga puluh minit**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas modul ini mengandungi lima soalan.*
2. **Jawab semua soalan.**
3. *Tulis jawapan anda dalam kertas jawapan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT :

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَّ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَيْنَةُ الْمُكَذِّبِينَ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِلْمُتَّقِينَ وَلَا تَهْنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمُ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ (سورة آل عمران : آية 139 – 137 )

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT telah mengatur perjalanan kehidupan manusia sesuai dengan ketetapan-Nya.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud sunnatullah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan kesan memahami sunnatullah. [2 markah]
- (iii) Terangkan dua pengajaran ayat di atas. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الِإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ ذُوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، - قَالَ: وَحَسِبْتُ أَنَّ قَدْ قَالَ: وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ - وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

(رواية البخاري)

Hadis di atas menjelaskan setiap manusia adalah pemimpin bagi orang yang berada di bawah tanggungjawabnya.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan maksud bagi perkataan yang bergaris di bawahnya. [2 markah]
- (ii) Jelaskan nasihat Lukman al-Hakim kepada anaknya tentang tanggungjawab anak terhadap ibu bapa dalam surah Lukman ayat 12 hingga 16. [2 markah]

- (iii) Terangkan pengajaran hadis di atas.

[2 markah]

*Sebagai seorang pekerja, kita mempunyai peranan untuk berganding bahu bersama pemimpin dalam membangunkan negara.*

- (iv) Berdasarkan pernyataan di atas,uraikan peranan pekerja dalam pembangunan negara. [4 markah]

- (c) Nyatakan hukum mad lazim bagi potongan ayat berikut.

(i) يس


(ii) وَلَا الظَّالِمُونَ

[2 markah]

- 2 (a) Asmaul Husna ialah nama-nama Allah SWT yang mulia.

- (i) Nyatakan maksud nama Allah SWT al-Muntaqim. [2 markah]

- (ii) Terangkan dua balasan Allah SWT terhadap orang yang melakukan kezaliman. [4 markah]



- (iii) Kawasan Laut Mati yang terletak di Jordan merupakan bukti Allah SWT bersifat al-Muntaqim.

Sebagai seorang murid, bagaimakah anda dapat mengambil iktibar daripada bukti tersebut? [4 markah]

- (b) Pemahaman yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah menyebabkan munculnya fahaman yang menyeleweng daripada akidah yang sebenar.
- (i) Jelaskan sejarah ringkas kemunculan golongan Syiah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan prinsip utama aliran Syiah yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 markah]
- (iii) Terangkan perbezaan pandangan antara Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan aliran Khawarij tentang isu di bawah :  
a) Pelaku dosa besar  
b) Kedudukan iman [4 markah]
- (iv) Jelaskan cara untuk menangani ajaran Syiah daripada berleluasa. [2 markah]

3 (a) Ibadah haji merupakan rukun islam yang kelima.

- (i) Nyatakan maksud haji. [2 markah]
- (ii) Nyatakan dua ciri berkemampuan dalam haji dan umrah. [2 markah]
- (iii) Senaraikan dua larangan ihram khusus bagi lelaki. [2 markah]
- (iv) Terangkan dua hikmah haji dan umrah dari aspek ekonomi. [4 markah]

(b) Solat sunat Istikhharah merupakan salah satu ibadat yang sering dilakukan oleh sebahagian besar umat Islam.

- (i) Nyatakan maksud solat sunat Istikhharah. [2 markah]
- (ii) Nyatakan hukum menuaikan solat sunat Istikhharah. [1 markah]
- (iii) Jelaskan tiga kaifiat menuaikan solat sunat Istikhharah. [3 markah]


*Ahmad telah mendapat tawaran menyambung pelajaran di universiti dalam negara dan di luar negara. Dia melaksanakan solat sunat istikhharah sebelum membuat pilihan.*

- (iv) Kemukakan hujah anda terhadap situasi Ahmad dalam membuat keputusan. [4 markah]

4 (a) Kerajaan Umayyah merupakan kerajaan Islam yang muncul selepas kepimpinan Khulafa' al-Rasyidin.

- (i) Nyatakan sejarah kerajaan Umayyah secara ringkas. [2 markah]

- (ii) Jelaskan dua faktor kemerosotan kerajaan Umayyah dari aspek akhlak. [4 markah]
- (iii) Jelaskan dua sumbangan khalifah berikut :  
a) Muawiyah bin Abi Sufian  
b) Umar bin Abdul Aziz [4 markah]
- (b) Ahmad bin Ibrahim merupakan tokoh yang unggul dalam peradaban tamadun Islam.  
(i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim. [2 markah]  
(ii) Jelaskan dua sumbangan beliau dalam bidang perundangan di Malaysia [4 markah]



- (iii) Gambar di atas merupakan salah satu karya Ahmad bin Ibrahim yang terkenal. Beliau banyak menghasilkan karya yang hebat dalam bidang perundangan dan seorang yang sangat menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan.  
Huraikan iktibar yang anda boleh teladani daripada keunggulan tokoh di atas. [4 markah]

- 5 (a) Amalan wasatiyah dalam aspek kehidupan mampu menjamin kecemerlangan umat.  
(i) Apakah maksud wasatiyah? [2 markah]  
(ii) Nyatakan dua prinsip wasatiyah. [2 markah]  
(iii) Terangkan dua hikmah melaksanakan prinsip wasatiyah. [4 markah]
- (b) Alam sekitar dan manusia umpama "aur dengan tebing" dalam satu ekosistem.  
(i) Apakah maksud alam sekitar? [2 markah]  
(ii) Nyatakan dua adab menjaga alam sekitar. [2 markah]  
(iii) Jelaskan dua faktor berlakunya pencemaran alam sekitar. [4 markah]

**Sampah, sisa binaan punca pencemaran Sungai Klang**



**Bukit gondol, sungai keruh**



- (iv) Berdasarkan keratan akhbar di atas, huraikan peranan pihak berkuasa bagi mengatasi masalah tersebut. [4 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**